

## Koleksi Buku Perpustakaan Negara Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) berperanan menyimpan dan memperluaskan penggunaan koleksi terbitan dalam negara serta koleksi mengenai negara ini yang diterbitkan di luar negara. PNM adalah institusi memori sejarah dan kebudayaan serta pustaka yang menyimpan, mendokumentasi dan memelihara pencapaian intelek yang telah diterjemah dalam bentuk bercetak dan bukan bercetak.

Sehubungan dengan itu, untuk kemudahan rujukan maklumat yang diperlukan oleh pengguna, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menyediakan koleksi buku pelbagai subjek terbitan dalam dan luar negara.

Buku-buku dalam koleksi PNM diperolehi daripada penyerahan bahan melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), sumbangan dan pembelian.

Pembahagian koleksi buku di PNM adalah seperti berikut:

- Buku Rujukan Malaysiana
- Buku Rujukan Luar Negara
- Buku Pinjaman Dewasa, Kanak-kanak dan Pinjaman Berkelompok

### PENEMPATAN KOLEKSI BUKU

KOLEKSI	LOKASI	KOD LOKASI
Buku Malaysiana	Aras 7, Menara PNM	M, MR
Buku Malaysiana (Saiz folio)	Aras 8, Menara PNM	M f, M ff, MR f, MR ff
Buku Rujukan Sekolah (Pelekat putih – white spot)	Aras 8, Menara PNM	M, M f
Buku Terbitan Luar Negara (Termasuk Koleksi Harvard & Bahan Rujukan Kazakhtan)	Aras 8, Menara PNM (Penempatan sementara)	Tiada simbol, R, R f, f, ff, RMK, KHM, KAZ, UN, ASE
Buku Pinjaman (Dewasa)	Aras 3 & 4, Wisma Sejarah	D, D f
Buku Pinjaman (Kanak-Kanak)	Aras G, Anjung Bestari	K, KR, K f
Buku Pinjaman Berkelompok	Aras G, Wisma Sejarah	D, D f, K, K f

## Pencarian Buku Dalam Koleksi PNM



000 - 099	Karya Am
100 - 199	Falsafah & Psikologi
200 - 299	Agama
300 - 399	Sains Sosial
400 - 499	Bahasa
500 - 599	Sains & Matematik
600 - 699	Teknologi
700 - 799	Kesenian
800 - 899	Kesusasteraan
900 - 999	Geografi & Sejarah

Koleksi Buku PNM disusun mengikut skim pengkelasan Dewey Decimal Classification (DDC) seperti jadual di atas.

Pengguna boleh membuat carian buku melalui **Katalog Dalam Talian PNM (OPAC)** di pautan <http://opac.pnm.gov.my> bagi mendapatkan nombor panggilan bahan yang dikehendaki. Nombor panggilan setiap bahan mempunyai kod lokasi yang menempatkan setiap bahan di rak.

### Ruang Pembaca Koleksi Buku

Perpustakaan Negara Malaysia menyediakan ruang bacaan bagi pengguna membuat rujukan di mana turut dilengkapi kemudahan seperti WiFi. Kapasiti Ruang Pembaca yang ada adalah seperti berikut:

- Monograf Aras 7, Menara PNM (56 orang)
- Monograf Aras 8, Menara PNM (38 orang)
- Rujukan Luar Negara, Aras 8, Menara PNM (12 orang)
- Pinjaman Kanak-kanak, Anjung Bestari (40 orang)

## **Bilik Penyimpanan Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia**

**(pautan ke maklumat Bilik Penyimpanan Koleksi Perpustakaan – di mukasurat 4)**

### **Jumlah Koleksi Buku Rujukan dan Pinjaman**

Statistik kumulatif buku di Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara dan Bahagian Pinjaman, Perpustakaan Negara Malaysia adalah merangkumi:

- Buku Rujukan Malaysiana (868,578 naskhah)
- Buku Rujukan Luar Negara (450,468 naskhah)
- Buku Pinjaman Dewasa (392,980 naskhah)
- Buku Pinjaman Kelompok (339,923 naskhah)
- Buku Pinjaman Kanak-kanak (194,416 naskhah)

### **Promosi Koleksi**

Pengguna boleh mengunjungi Pameran Buku Terkini, Buku Terlaris di Pasaran dan Buku Menang Anugerah di Aras 7, Menara PNM. Perpustakaan Negara Malaysia juga mengadakan aktiviti dan pameran bertema bagi mempromosi koleksi.

<b>Tahun 2021</b>	<b>Tema</b>
Januari	Mistik Alam Melayu
Februari - Mac	Senjata Tradisional Melayu
April – Mei	Hari Autisme
Jun - Julai	Alam Sekitar
Ogos - September	Hari Kemerdekaan Malaysia dan Hari Malaysia
September - Disember	Warisan Intelektual Malaysiana
Oktober - Disember	Pantun Melayu

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Tanya Pustakawan [pautan <https://www.pnm.gov.my/index.php/forms/form/3>]

Atau

- Kaunter Rujukan Malaysiana, Aras 7, Menara PNM: 03-2687 1837
- Kaunter Rujukan Malaysiana, Aras 8, Menara PNM: 03-2687 4242
- Kaunter Rujukan Luar Negara, Aras 12, Menara PNM: 03-2687 1773
- Kaunter Pinjaman Dewasa, Wisma Sejarah: 03-2687 1791/ 1748
- Kaunter Pinjaman Kelompok, Wisma Sejarah: 03-2687 1847
- Kaunter Pinjaman Kanak-Kanak, Anjung Bestari, PNM: 03-2687 1714/ 1715

## Maklumat untuk pautan Bilik Penyimpanan Koleksi Perpustakaan

### Bilik Penyimpanan Koleksi Perpustakaan, Menara PNM

Pada tahun 2013, Perpustakaan Negara Malaysia telah diluluskan Projek Pembinaan Bilik Stek dengan siling RM7.0 juta dalam Rolling Plan Ketiga RMKe-10. Pembinaan Bilik Stek PNM dibina dalam bangunan sedia ada Menara PNM bermula di Aras 6 hingga Aras 11 Menara PNM, Jalan Tun Razak dengan keluasan 16,122 kaki persegi. Projek ini mengambil masa selama 1 tahun 3 bulan untuk disiapkan bermula pada 29 September 2014 dan telah siap sepenuhnya pada 12 Januari 2016 serta dinamakan sebagai Bilik Penyimpanan Koleksi Perpustakaan PNM.

Bilik Penyimpanan Koleksi Perpustakaan ini dibina dengan mengaplikasikan konsep *mezzanine* di mana terdapat 9 lapisan Bilik Stek di dalam 6 tingkat bangunan (Aras 6 hingga 11). Bilik Stek ini mempunyai kekuatan sebanyak 1,454 buah rak dan boleh menampung hampir 1 juta koleksi perpustakaan.

JADUAL ARAS BILIK PENYIMPANAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN



Aras	Koleksi
6	Koleksi Surat Khabar
6A	Koleksi Terbitan Bersiri
7A	Koleksi Monograf
8	Koleksi Monograf
8A	Koleksi Monograf
9A	Koleksi Monograf (Folio)
10	Koleksi Warta Kerajaan/ Akta/ Koleksi Monograf Kanak-kanak
10A	Koleksi Terbitan Kerajaan/ Koleksi Monograf Kanak-kanak
11A	Koleksi Khas